

05/08/1998

Jangan banyak kerenah - Muhyiddin

Daud Awang

TUTUP mulut! Itulah amaran awal Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, kepada pemain badminton negara, Roslin Hashim, yang melaporkan diri untuk latihan pusat skuad Sukan Komanwel, semalam.

Menurutnya, Roslin seharusnya tidak membebel atau membuat sebarang kenyataan selepas dipanggil Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

"Apa lagi yang nak dibisingkan kerana dia (Roslin) sudah disenaraikan untuk menjalani latihan.

"Soalnya sekarang ialah pergi berlatih dan tunjuk keupayaan sebenar bagi memberi sumbangan pingat bermakna kepada negara dalam kejohanan itu nanti," katanya.

Muhyiddin berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat yang dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Tertutup MJB, Johor Bahru, semalam.

Roslin dilaporkan terkilang kerana kandungan surat panggilan daripada BAM yang diterimanya kelmarin bagaikan ada maksud tersembunyi.

Malah, pemain itu menganggap ia bagaikan sandiwara BAM untuk mengaburi orang ramai apabila menyebut: "Sekiranya anda tidak terpilih, anda perlu kekal dalam latihan pusat ini untuk membantu rakan lain."

Bagi pemain berasal dari Kota Bharu itu, syarat berkenaan cukup memeningkannya sedangkan selepas mesyuarat Exco, Jumaat lalu, Presiden BAM, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan, mengumumkan namanya sudah terpilih untuk skuad itu.

Muhyiddin berkata jika Roslin mempunyai sebarang masalah, ia perlu dibincangkan dengan BAM dan bukannya membuat kenyataan melulu.

"Jika ada masalah, sila bawa berbincang dan bukannya membuat kenyataan terbuka.

"Dalam keadaan sekarang, komitmen menyangkut jersi negara adalah lebih penting daripada segala-galanya," katanya.

Muhyiddin berharap isu itu tidak diperbesar-besarkan sehingga boleh menjejaskan persiapan negara.

(END)